

**KEBERKESANAN PENGGUNAAN KOMPUTER DALAM PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN TATABAHASA**

*(The Effectiveness Of Using Computers In Teaching And Learning
Grammar)*

NOR ILYANI HARUN
yan.kies86@gmail.com,
Universiti Putra Malaysia

AHMAD FAUZI MOHD. AYUB
afauzi@educ.upm.edu.my
Universiti Putra Malaysia

FADZILAH AB. RAHMAN
fadzilah@educ.upm.edu.my
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK Kajian ini bertujuan mengenal pasti keberkesanan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu bagi tajuk Penjodoh Bilangan dalam kalangan murid Tahun Tiga. Kajian yang dijalankan secara kuasi eksperimen ini membincangkan daripada dua aspek berikut, iaitu keberkesanan penggunaan komputer dan juga isu berkaitan gender. Seramai 60 orang murid daripada dua kelas yang dipilih secara rawak telah dibahagikan kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Dapatan kajian menunjukkan murid yang didedahkan dengan penggunaan komputer secara signifikan lebih baik min skor ujian pasca berbanding kumpulan kawalan. Dari segi gender, murid lelaki secara signifikan lebih baik min skor bagi ujian pasca berbanding murid perempuan bagi kumpulan rawatan. Sebagai tambahan, murid lelaki daripada kumpulan rawatan secara signifikan lebih tinggi min skor bagi ujian pasca berbanding dengan murid dalam kumpulan kawalan. Pada masa yang sama, murid perempuan daripada kumpulan rawatan memperoleh min skor lebih tinggi bagi ujian pasca berbanding murid perempuan daripada kumpulan kawalan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Penjodoh Bilangan memberi kesan positif kepada murid.

Kata kunci: Tatabahasa, keberkesanan, gender, pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer

ABSTRACT: *The purpose of this study was to identify the effectiveness of using computers in teaching and learning the Malay Language for the topic Quantifiers among standard three students. This research was conducted using the quasi-experiment design and discussed from the following two aspects: the effectiveness of using computers and also the gender issue. A total of 60 students from two classes were randomly selected for this study. Students were divided into the treatment and control groups. The research findings indicated that students who were exposed to the use of computers had significantly higher mean scores in the post test when compared to those in the control group. In terms of gender, males had significantly better mean scores for the post test than females in treatment group. In addition, males from the treatment group scored significantly higher*

in the post test than males in the control group. At the same time, female students from the treatment group achieved higher mean scores for the post test than females from the control group. This study provided some evidence that using computers in teaching and learning for the topic Quantifiers gave positive impact to the students' achievement.

Keywords: *Learning quantifiers, effectiveness, gender, computer assisted instruction and learning*

PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer (PPBK) merupakan satu kaedah pengajaran yang menggunakan komputer dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P). Penggunaannya kini dilihat menjadi semakin penting khususnya dalam meningkatkan kefahaman murid dalam P&P dalam membantu pemahaman murid. Pada peringkat awal, kemunculan teknologi komputer secara tradisinya digunakan sebagai alat pemrosesan data atau menaip teks semata-mata. Kini, penggunaannya telah diperluaskan kepada bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Corak penyampaian komputer pada satu ketika dahulu hanya terhad kepada penggunaan teks, numerik, grafik dan animasi mudah sahaja. Namun dengan kemajuan teknologi multimedia telah berupaya untuk mempersembahkan video bergerak, animasi yang canggih dan grafik warna. Kemampuan multimedia dalam menyampaikan sesuatu maklumat dengan cepat, tepat dan mampu menjadi daya tarikan bagi mewujudkan suasana pembelajaran menyeronokan (Zamri & Mohamed Amin, 2008). Pengajaran Bahasa Melayu sudah tentu tidak terkecuali daripada pengaruh penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (Yahya & Dayang Raini, 2011).

Tatabahasa merupakan unsur asas bahasa yang mendasari setiap kemahiran bahasa yang dipupuk iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Dalam konteks sistem pendidikan negara, khususnya dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), perkara tersebut menjadi prinsip yang ditegaskan dalam strategi pengajaran Bahasa Melayu. Dalam sistem bahasa, terdapat beberapa subsistem penting terkandung di dalamnya, di mana tatabahasa menjadi asas kepada sistem tersebut. Antara subsistem tersebut adalah sistem ejaan, sebutan, peristilahan, kosa kata umum, tatabahasa dan laras bahasa. Antara enam subsistem tersebut, tatabahasa merupakan sendinya. Walau bagaimanapun, tatabahasa sering dianggap sebagai subjek yang kaku, membosankan, dan kadang kala menakutkan (Awang, 2004). Persepsi sedemikian menyebabkan tanggungjawab guru yang mengajar tatabahasa semakin mencabar, terutamanya apabila berdepan dengan murid sekolah rendah yang masih kurang jelas tentang penggunaan sistem bahasa. Namun dengan kemajuan teknologi, kaedah pengajaran di sekolah boleh dipelbagaikan dengan menggunakan perisian komputer sebagai bahan bantu mengajar. Kajian oleh Abdul Wahab, Kamaliah dan Hasrina (2006) tentang tahap penggunaan komputer dalam P&P Bahasa Melayu, Inggeris dan beberapa mata pelajaran lain yang menunjukkan penggunaan komputer dalam P&P mampu mewujudkan suasana pembelajaran lebih menarik.

Kajian berkaitan keberkesanan penggunaan komputer dalam P&P Bahasa Melayu telah giat dijalankan. Sebagai contoh, satu kajian eksperimen yang dijalankan oleh

Yahya Othman dan Dayang Raini (2011) ke atas 56 orang murid tahun Empat yang berprestasi sederhana di salah sebuah sekolah rendah kerajaan di daerah Brunei dan Muara berkaitan keberkesanan penggunaan CD-ROM perisian cerita Interaktif bagi pemahaman bacaan. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa murid yang melalui proses P&P menggunakan CD-ROM secara signifikan lebih baik prestasi pemahaman bacaan berbanding dengan murid yang mengikuti pembelajaran secara kawalan. Namun begitu, perbandingan dari segi gender pula tidak menunjukkan sebarang perbezaan signifikan min prestasi pemahaman pembacaan antara murid lelaki dan perempuan kedua-dua kumpulan. Manakala kajian oleh Al-Haq dan Al-Sobh (2001) ke atas 122 orang murid gred 11 di salah sebuah sekolah di Jordan mengenai keberkesanan pencapaian dalam penulisan berasaskan penggunaan web. Dapatan kajian menunjukkan pembelajaran berasaskan web adalah lebih berkesan daripada pengajaran kaedah kawalan. Analisis berdasarkan gender pula menunjukkan murid perempuan mendapat skor markah penulisan yang lebih tinggi berbanding murid lelaki.

Selain itu, satu kajian oleh Chenu, Gayraud, Martinie dan Tong (2007) di *Lyon University* bagi menentukan keberkesanan pembelajaran bahasa Perancis sebagai bahasa kedua antara kumpulan yang didedahkan menggunakan komputer dengan kaedah kelas yang belajar bahasa Perancis secara manual (buku teks dan kuliah) telah menunjukkan terdapat perbezaan signifikan skor ujian pasca antara kedua-dua kumpulan dengan kumpulan yang didedahkan melalui penggunaan komputer memperoleh markah yang lebih baik. Hal ini jelas menunjukkan penggunaan komputer secara signifikan memberi kesan positif dalam pembelajaran bahasa Perancis. Kajian eksperimen oleh Abu Seileek dan Rabab'ah (2007) ke atas 128 orang murid di *King Saud University* yang membandingkan pengajaran *Grammar* berasaskan komputer (*Computer Based Grammar Instruction*) berbanding dengan pengajaran *Grammar* berasaskan guru (*Teacher Based Grammar Instruction*). Kajian mendapati pengajaran *Grammar* berasaskan komputer secara signifikan lebih efektif berbanding dengan pengajaran oleh guru.

Dalam pada itu, Naba'h, Hussain, Al-Omari, dan Shdeifat (2009) pula dalam kajian yang melibatkan seramai 212 orang di sebuah sekolah menengah di Jordan terhadap keberkesanan penggunaan komputer dalam pembelajaran bahasa Inggeris juga dalam aspek *grammar* telah menunjukkan penggunaan komputer telah memberi kesan yang positif terhadap pencapaian akademik murid. Dalam satu kajian di Oyo State, Nigeria yang dijalankan oleh Yusuf dan Afolabi (2010) terhadap 120 orang murid sekolah menengah tentang prestasi pembelajaran mata pelajaran Biologi berdasarkan penggunaan komputer secara individual dan koperatif mengikut gender. Analisis menunjukkan penggunaan komputer telah memberi kesan yang signifikan berbanding dengan pengajaran secara kawalan. Namun secara gender pula, tidak wujud perbezaan yang signifikan antara kumpulan murid lelaki dengan murid perempuan sama ada mereka belajar secara individual mahupun koperatif. Dalam pada itu, kajian oleh Spradilin (2009) ke atas 155 orang murid bagi menentukan perbezaan pencapaian dalam mata pelajaran Matematik Algebra antara dua kumpulan yang belajar menggunakan komputer dengan kaedah kawalan. Dapatan kajian mendapati kumpulan

perempuan mendapat skor min lebih tinggi berbanding kumpulan lelaki untuk kedua-dua kaedah, tetapi tidak menunjukkan sebarang signifikan.

Selari dengan perkembangan teknologi, penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran harus diperluaskan khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Walaupun penggunaan komputer dalam pengajaran Bahasa Melayu dilihat sebagai satu usaha yang paling sesuai dan mampu memberi impak terhadap permasalahan yang dihadapi, kekurangan bahan berbantuan komputer merupakan antara faktor mengapa penggunaannya kurang meluas. Sebagai alat bantu pengajaran yang bersifat terkini, penggunaan komputer dilihat sebagai usaha yang mampu mengubah persepsi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Menyedari kelebihan penggunaan komputer dalam P&P dalam Bahasa Melayu adalah penting untuk menjalankan kajian seumpama ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan mengenal pasti keberkesanan penggunaan komputer ke atas pencapaian murid Tahun 3 dalam P&P Bahasa Melayu bagi topik Penjodoh Bilangan. Perbandingan keberkesanan diukur berdasarkan kepada pencapaian dan juga gender antara kumpulan yang diberi pendedahan P&P Tatabahasa secara berkompoter (kumpulan rawatan) dan kumpulan kawalan.

HIPOTESIS KAJIAN

Selari dengan itu, sebanyak enam hipotesis alternatif kajian telah dibentuk, iaitu seperti berikut:


- H_{a1} : Terdapat perbezaan signifikan skor ujian skor Ujian Penilaian Penggal Pertama Bahasa Melayu antara murid kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan.
- H_{a2} : Terdapat perbezaan signifikan skor ujian pasca bagi tajuk Penjodoh Bilangan antara murid kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan.
- H_{a3} : Terdapat perbezaan signifikan skor ujian pasca bagi tajuk Penjodoh Bilangan antara murid lelaki dan perempuan bagi kumpulan kawalan.
- H_{a4} : Terdapat perbezaan signifikan skor ujian pasca bagi tajuk Penjodoh Bilangan antara murid lelaki dan perempuan bagi kumpulan rawatan.
- H_{a5} : Terdapat perbezaan signifikan skor ujian pasca bagi tajuk Penjodoh Bilangan antara murid lelaki antara kumpulan rawatan dan kumpulan tradisonal.
- H_{a6} : Terdapat perbezaan signifikan skor ujian pasca bagi tajuk Penjodoh Bilangan antara murid perempuan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk kajian kuasi eksperimen. Kajian ini telah dijalankan dalam kalangan murid Tahun 3 di sebuah Sekolah Kebangsaan di Kuala Lumpur. Bagi tujuan kajian, dua buah kelas telah dipilih secara rawak untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Sebuah kelas yang terdiri daripada 31 orang murid (16 murid lelaki dan 15 murid perempuan) telah dikenal pasti sebagai kumpulan kawalan.

Sementara itu, kumpulan rawatan pula terdiri daripada 29 orang murid (10 murid lelaki dan 19 murid perempuan). Kajian ini dijalankan selama sebulan dengan setiap kumpulan akan melalui 10 kali pertemuan dengan purata seminggu tiga kali pertemuan.

Instrumen kajian terdiri daripada satu set ujian pasca yang terdiri daripada 32 soalan telah dibina oleh pengkaji berkaitan tajuk Penjodoh Bilangan. Soalan yang dibina merangkumi semua Penjodoh bilangan yang perlu difahami oleh murid dan juga berdasarkan kepada sukatan pelajaran yang dikemukakan oleh Kementerian Pelajaran. Set ujian pasca ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu soalan berbentuk teks dan soalan bergambar. Bagi kumpulan yang diberi pendedahan menggunakan komputer, pengkaji telah membangunkan satu perisian khusus bagi tajuk Penjodoh Bilangan dengan menggunakan perisian *Lecture Maker*. Perisian ini digunakan semasa sesi pengajaran bagi kumpulan eksperimen. Rajah 1 menunjukkan beberapa *snapshot* yang diambil daripada perisian yang digunakan dalam kajian.





Rajah 1: Snapshot perisian tatabahasa penjodoh bilangan

DAPATAN KAJIAN

Analisis pertama dijalankan adalah ke atas skor ujian penilaian penggal pertama Bahasa Melayu bagi kedua-dua kumpulan. Analisis ini bertujuan untuk memastikan bahawa sampel daripada kedua-dua kumpulan adalah homogen. Hal ini bertujuan mengawal daripada timbul sebarang bias dalam kajian. Bagi tujuan tersebut, Ha1 dibentuk.

Ha1 : Terdapat perbezaan signifikan skor ujian skor Ujian Penilaian Penggal Pertama Bahasa Melayu antara murid kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen.

Ujian t-tak bersandar yang dijalankan menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan dalam skor ujian penilaian penggal 1 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu antara kumpulan kawalan ($M = 50.47, S P = 15.516$) dengan kumpulan rawatan ($M = 54.13, SP = 12.462; t(55.42) = 1.009, p = .317 > .05$) (rujuk Jadual 1). Justeru, hipotesis yang dibina ditolak. Hal ini menunjukkan bahawa murid daripada kedua-dua buah kumpulan tidak berbeza dari segi pengetahuan dan kemahiran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, murid daripada kedua-dua kumpulan kajian adalah seimbang dari segi pengetahuan dan kemahiran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Jadual 1: Ujian-t tak bersandar bagi skor ujian penilaian penggal pertama Bahasa Melayu antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan

Kumpulan	Bilangan Murid	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Darjah Kebebasan	Signifikan
Rawatan	31	54.13	12.462	1.009	55.42	.317
Tradisional	29	50.47	15.516			

Analisis seterusnya dijalankan ke atas skor markah ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan yang terdiri daripada soalan berbentuk gambar dan juga teks. Bagi tujuan tersebut, hipotesis 2 (H_{a2}) dibentuk.

H_{a2} : Terdapat perbezaan signifikan skor ujian pasca bagi tajuk Penjodoh Bilangan antara murid kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen

Bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan dalam skor ujian pasca antara murid kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan, ujian-t tak bersandar dijalankan (rujuk Jadual 2).

Jadual 2: Ujian-t tak bersandar bagi skor ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan

Kumpulan	Bilangan Murid	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Darjah Kebebasan	Signifikan
Rawatan	31	24.37	5.353	7.085	58	0.000
Tradisional	29	14.43	5.507			

Analisis ke atas skor ujian pasca menunjukkan terdapat perbezaan signifikan skor ujian pasca antara kumpulan tradisional ($M = 14.43$, $SP = 5.507$) dengan kumpulan Rawatan ($M = 24.37$, $SP = 5.353$; $t(58) = 7.085$, $p = .000 < .05$). Perbezaan magnitud (η^2) pula adalah 0.464. Oleh itu, hipotesis yang dibangunkan diterima. Hal ini menunjukkan bahawa murid yang mengikuti P&P bagi tajuk Penjodoh Bilangan dengan menggunakan perisian kursus adalah secara signifikan lebih baik berbanding dengan mereka yang didedahkan dengan kaedah kawalan.

Analisis seterusnya dijalankan bagi menentukan samada terdapat perbezaan pencapaian murid daripada kedua-dua kumpulan berdasarkan kepada gender. Sebanyak empat hipotesis dibina bagi menjawab objektif kajian tersebut. Hipotesis ketiga adalah menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan pencapaian berdasarkan gender bagi kumpulan kawalan. Hipotesis yang dibina adalah seperti berikut:

H_{a3} :Terdapat perbezaan signifikan skor ujian pasca bagi tajuk Penjodoh Bilangan antara murid lelaki dan perempuan bagi kumpulan kawalan.

Jadual 3: Ujian-t tak bersandar bagi skor ujian pasca antara murid lelaki dan murid perempuan bagi kumpulan kawalan

Kumpulan Kawalan	Bilangan Murid	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Darjah Kebebasan	Signifikan
Lelaki	16	14.50	5.416	.070	28	.945
Perempuan	14	14.36	5.813			

Analisis ujian t-tak bersandar menunjukkan bahawa tidak terdapat sebarang perbezaan signifikan dalam skor ujian pasca antara murid lelaki ($M = 14.50$, $SP = 5.416$) dengan murid perempuan ($M = 14.36$, $SP = 5.813$; $t(28) = 0.070$, $p = .945 > .05$) bagi kumpulan kawalan (rujuk Jadual 3). Justeru, hipotesis yang dibina tidak boleh diterima. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bagi kumpulan kawalan, murid lelaki dan murid perempuan tidak berbeza dari segi skor ujian pasca selepas kajian dijalankan.

Seterusnya, analisis serupa dijalankan ke atas kumpulan rawatan bagi menjawab hipotesis keempat, iaitu bagi menentukan perbezaan signifikan skor ujian pasca antara murid lelaki dan perempuan bagi kumpulan rawatan.

H_{a4} :Terdapat perbezaan signifikan skor ujian pasca bagi tajuk Penjodoh Bilangan antara murid lelaki dan murid perempuan bagi kumpulan rawatan.

Jadual 4: Ujian-t tak bersandar bagi skor ujian pasca antara murid lelaki dan murid perempuan bagi kumpulan rawatan

Kumpulan Rawatan	Bilangan Murid	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Darjah Kebebasan	Signifikan
Lelaki	10	27.60	2.675	3.184	27.978	.004
Perempuan	20	22.75	5.665			

Analisis ujian-t tak bersandar menunjukkan terdapat perbezaan signifikan skor ujian pasca antara murid lelaki ($M = 27.60$, $SP = 2.675$) dengan murid perempuan ($M = 22.75$, $SP = 5.665$; $t(27.978) = 3.184$, $p = .004 < .05$) bagi kumpulan rawatan dengan perbezaan magnitud dalam min (η^2) adalah 0.266 (rujuk Jadual 4). Hal ini bermakna hipotesis alternatif yang dibina diterima. Dapatan ini menunjukkan bahawa bagi kumpulan rawatan, min markah ujian pasca murid lelaki secara signifikan lebih baik berbanding markah murid perempuan.

Analisis berkaitan gender ini juga dijalankan dengan membandingkan min skor ujian pasca murid lelaki dan murid perempuan antara kumpulan kajian. Bagi tujuan tersebut hipotesis 5 (H_{a5}) dan hipotesis 6 (H_{a6}) dibentuk.

H_{a5} : Terdapat perbezaan signifikan skor ujian pasca bagi tajuk Penjodoh Bilangan bagi murid lelaki antara kumpulan Rawatan dan kumpulan Kawalan

Jadual 5: Ujian-t tak bersandar bagi skor ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan tradisonal dalam kalangan murid lelaki

Kumpulan	Bilangan Murid	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Darjah Kebebasan	Signifikan
Rawatan	10	27.60	2.675	7.098	24	.000
Tradisonal	16	14.50	5.416			

Jadual 5 menunjukkan bagi murid lelaki, terdapat perbezaan signifikan antara kumpulan rawatan ($M = 27.60$, $SP = 2.675$) dengan kumpulan kawalan ($M = 14.50$, $SP = 5.416$; $t(24) = 7.098$, $p = .000 < .05$). Oleh itu, hipotesis alternatif yang dibina diterima. Dapatan ini menunjukkan bahawa skor murid lelaki bagi kumpulan rawatan secara signifikan lebih baik berbanding markah murid lelaki kumpulan kawalan. Perbezaan magnitud dalam min (η^2) adalah 0.677. Hal ini memberi implikasi bahawa min markah murid lelaki bagi kumpulan rawatan secara signifikan lebih baik daripada murid lelaki daripada kumpulan kawalan. Analisis yang serupa juga dijalankan ke atas skor ujian pasca murid perempuan bagi menjawab hipotesis berikut:

H_{a6} : Terdapat perbezaan signifikan skor ujian pasca bagi tajuk Penjodoh Bilangan bagi murid perempuan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan

Bagi perbandingan pencapaian ujian pasca dalam kalangan murid perempuan pula, analisis data menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam skor ujian pasca bagi kumpulan rawatan ($M = 22.75$, $SP = 5.665$) dengan kumpulan kawalan ($M = 14.36$, $SP = 5.813$; $t(32) = 4.207$, $p = .000 < .05$) dengan perbezaan magnitud (η^2) adalah 0.356. Oleh itu, hipotesis alternatif yang dibina diterima. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa min markah murid perempuan kumpulan rawatan lebih baik berbanding min markah murid perempuan kumpulan kawalan.

Jadual 6: Ujian-t tak bersandar bagi skor ujian pasca antara kumpulan rawatan dan tradisonal dalam kalangan murid perempuan

Kumpulan	Bilangan Murid	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Darjah Kebebasan	Signifikan
Rawatan	20	22.75	5.665	4.207	32	.000
Tradisonal	14	14.36	5.813			

PERBINCANGAN

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam P&P adalah penting memandangkan ia mampu meningkatkan kualiti pengajaran (Gulbahar & Given, 2008), meningkatkan daya ingatan (Abdul Wahab, Kamaliah & Hasrina 2006), memotivasikan murid (Leask & Panchler, 2005) dan murid boleh berinteraktif secara aktif dan kreatif (Volman dan Eck, 2001). Penggunaan komputer dalam P&P Bahasa Melayu masih belum digunakan secara meluas. Hal ini mungkin disebabkan kekurangan perisian untuk digunakan oleh guru semasa di dalam kelas. Selain itu, tumpuan kepada penggunaannya lebih kepada mata pelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Namun begitu, penggunaan komputer ke atas mata pelajaran Bahasa Melayu tidak seharusnya dipinggirkan memandangkan penggunaannya mampu memberi impak positif ke atas mata pelajaran tersebut. Kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa penggunaan perisian komputer bagi tajuk tatabahasa Penjodoh Bilangan telah secara signifikan memberi kesan positif ke atas murid berbanding dengan pengajaran secara kawalan. Kajian oleh Abu Seileek dan Rabab'ah (2007), Al-Haq dan Al-Sobh (2001), Chenu, Gayraud, Martinie, dan Wu (2007), Naba'h, Hussain, Al-Omari dan Shdeifat (2009) dan Yahya Othman dan Dayang Raini (2011), menunjukkan bahawa penggunaan komputer memberi kesan positif terhadap penggunaannya.

Dalam analisis berdasarkan kepada gender menunjukkan kumpulan murid yang belajar menggunakan kaedah kawalan tidak menunjukkan perbezaan pencapaian antara murid lelaki dan perempuan. Namun dapatan ini berbeza pula dengan kumpulan rawatan yang menunjukkan murid lelaki dalam kumpulan ini secara signifikan min markah ujian pasca yang lebih baik berbanding murid perempuan. Perbezaan antara murid lelaki gender daripada kedua-dua kumpulan turut menunjukkan murid lelaki dan perempuan daripada kumpulan komputer secara signifikan mempunyai markah yang lebih tinggi berbanding murid lelaki dan perempuan kumpulan kawalan. Dapatan kajian adalah berbeza dengan kajian oleh Yusuf dan Afolabi (2010) yang tidak menunjukkan sebarang perbezaan antara murid lelaki dan perempuan. Sementara kajian oleh Al-Haq dan Al-Sobh (2001) dan Spradilin (2009) menunjukkan terdapat perbezaan signifikan skor markah berdasarkan gender.

KESIMPULAN

Keseluruhan daripada keputusan hasil kajian mendapati penggunaan komputer dalam P&P adalah sangat berkesan. Penggunaan komputer dilihat mampu memberi impak positif kepada murid dalam P&P Tatabahasa Penjodoh Bilangan berbanding dengan kumpulan kawalan. Malahan perbandingan dari segi gender juga menunjukkan terdapat perbezaan signifikan bagi kumpulan yang didedahkan menggunakan komputer. Kajian ini telah memberi gambaran bahawa penggunaan komputer dalam P&P Bahasa Melayu adalah penting memandangkan penggunaannya mampu membantu murid dalam memahami tajuk Penjodoh Bilangan dengan lebih baik.

RUJUKAN

- Abdul Wahab Ismail Gani, Kamaliah Hj. Siarap & Hasrina Mustafa. (2006). Penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru sekolah menengah: Satu kajian kes di Pulau Pinang. *Kajian Malaysia*, XXIV (1-2): 203-225.
- Abu Seileek, A.F. & Rabab'ah, G.A. (2007). The effect of computer-based grammar instruction on the acquisition of verb tenses in an EFL context. *The JALT CALL Journal*, 3 (1-2): 59-80.
- Al-Haq, F. A.-A. & Al-Sobh, M. A. (2001). The Effect of a web-based writing Instructional EFL Programmed on Enhancing the Performance of Jordanian Secondary Students. *The JALT CALL Journal*, 6 (3): 189-218.
- Awang Sariyan. (2009). Bagaimanakah tatabahasa dapat diajar dengan berkesan? Kertas kerja yang dibentangkan dalam Bengkel Pengajaran Tatabahasa, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris. 19 Ogos 2009.
- Chenu, F., Gayraud, F., Martinie, B. & Wu, T. (2007). Is Computer Assisted Language Learning (CALL) efficient for grammar learning? An experimental study in French as a second language. *The JALT CALL Journal*, 3 (3): 85 -93.
- Gulbahar, Y. & Guven, I. (2008). A survey on ICT usage and the perceptions of social studies teachers in Turkey. *Educational Technology & Society*, 11 (3): 37-51.
- Leask, M. & Pachler, N. (2006). *Learning to teach using ICT in the secondary school-a companion to school experience*. Routledge: Taylor & Francis Group.
- Naba'h, A. A., Hussain, J., Al-Omari, A. & Shdeifat, S. (2009). The effect of computer assisted language learning in teaching English grammar on the achievement of secondary students in Jordan. *The International Arab Journal of Information Technology*, 6 (4):431-439.
- Spradilin, K.D. (2009). The effectiveness of computer-assisted instruction in developmental mathematic. Unpublished Doctoral Dissertation. Liberty University, United States, Virginia.
- Volman, M & Van, Eck. E (2001). Gender equity and information technology in education. The second decade. *The Review of Educational Research*, 71, 613-631.
- Yahya Othman & Dayang Rini Pakar. (2011). Kesan aplikasi perisian cerita interaktif semasa mengajarkan kemahiran bacaan dan kefahaman dalam kalangan murid tahun 4 di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 27-49.
- Yusuf, M.O. & Afolabi, A. O. (2010). Effects of Computer Assisted Instruction (CAI) On Secondary School Performance in Biology. *The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 9 (1): 62-69.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2008). *Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: Teori dan praktis*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Maklumat lanjut, boleh hubungi:

Dr. Ahmad Fauzi Mohd Ayub
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor.
afauzi@educ.upm.edu.my